

21/07/1999

PM pertahan media tempatan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

JITRA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan fungsi media tempatan yang menurutnya berjaya bertindak sebagai pengawas masyarakat, walaupun ada yang memihak kepada kerajaan.

Perdana Menteri berkata, walaupun condong kepada kerajaan media tetap menegur dan mengkritik kerajaan apabila perlu berbuat demikian.

"Sesetengahnya mungkin lebih condong dalam menyokong kerajaan, tetapi mereka juga bersikap kritikal.

"Mereka mengkritik apabila perlu, tetapi tidak sehingga (mengkritik) semua yang kerajaan buat salah kerana jika ini berlaku, akhbar akan kehilangan kewibawaannya," katanya kepada pemberita selepas melawat bilik gerakan peti undi Barisan Nasional (BN), Kampung Kubang Pasu, di sini hari ini.

Dr Mahathir memberi contoh Harakah milik Pas yang menurutnya tidak berwibawa kerana laporannya mengutuk apa saja yang kerajaan lakukan.

"Menurut Harakah, semua yang kerajaan buat adalah salah...termasuk bila kita membina masjid. Akhbar itu tidak ada kredibiliti," katanya ketika ditanya sama ada media mampu berfungsi sebagai pengawas masyarakat jika memihak kepada kerajaan.

Perdana Menteri juga berkata, adalah perkara biasa bagi media untuk membuat pilihan dalam memberikan sokongan dan ia tidak menjejaskan kewibawaannya walaupun lebih condong kepada sesebuah parti politik.

Menurutnya, di Britain juga sesetengah akhbar menyokong Parti Konservatif, manakala yang lain menyokong Parti Buruh.

"Ini negara bebas dan kita ada banyak media yang tidak menyokong kerajaan.

"Sesetengah akhbar memainkan isu seperti Tabung Buruh India Selatan dan menyatakan kerajaan tidak menghiraukan rakyat, walaupun ia tidak benar.

"Ini menunjukkan di Malaysia kita ada kebebasan media," katanya.

Mengenai tindakan media asing memberikan yang banyak liputan di ceramah parti pembangkang, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak begitu memperdulikan media asing berbanding media tempatan.

"Kita lebih mengutamakan media tempatan kerana jika media tempatan melakukan pembohongan, orang akan tahu (membaca dan menonton). Kita boleh lihat jika Pas (Harakah) melakukan pembohongan...sebagai contoh menyatakan saya sudah meninggal dunia, tetapi saya masih ada.

"Tetapi jika media asing kata saya ada tanduk, orang yang tinggal di Utah (Amerika Syarikat) akan percaya kerana mereka tidak boleh melihat saya.

"Saya gembira Pas melakukan banyak pembohongan melalui akhbar mereka kerana rakyat boleh membuat perbandingan," katanya.

(END)